

19 JUN 2003

Umno-Sesak (Bergambar)

PWTC ALAMI KESESAKAN LUAR BIASA

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Kesesakan lalu lintas yang begitu sinonim dengan ibu kota Kuala Lumpur hari ini `melimpah' ke dalam Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, yang menjadi venue Perhimpunan Agung Umno ke-54.

Kesesakan yang dimaksudkan di sini bukan berpunca daripada kesesakan kenderaan tetapi lautan manusia yang membanjiri setiap sudut dan ruang di PWTC.

Masing-masing cuba mendapatkan tempat terbaik di hadapan televisyen litar tertutup (CCTV) yang diletakkan dengan banyaknya di lobi dan setiap aras PWTC.

Setiap ruang dipenuhi orang ramai yang bersimpuh dan bersila sehingga ke tangga, untuk mendengar ucapan Perdana Menteri.

Ini adalah suatu fenomena yang agak luar biasa jika dibandingkan dengan perhimpunan di tahun-tahun sudah, dan kehadiran sebegitu ramai mungkin disebabkan masing-masing tidak mahu ketinggalan mendengar sendiri ucapan yang mungkin adalah yang terakhir Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden parti.

Keadaan sesak itu juga menyukarkan pergerakan, dan kesannya begitu dirasakan terutamanya oleh pemberita dan jurugambar yang membuat liputan.

Masing-masing merungut terpaksa mengharungi arus lautan manusia yang seolah-olah enggan berganjak, sebelum tiba di destinasi yang dituju.

Selain itu ada juga yang terpaksa membawa tokoh yang berkenaan ke dalam bilik air untuk ditemubual, disebabkan ketiadaan sudut yang sesuai.

Dalam pada itu ada juga sesetengah pihak cuba menunjuk "taring" dan menggunakan kuasa yang diberi untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman dengan bersikap kasar terhadap anggota media yang "tersesat" ke kawasan larangan.

-- BERNAMA

NM KHY MOZ